

Hadis Hukum : Mengubah Ciptaan Allah SWT

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رضي الله عنه قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: لَعَنَ اللَّهُ الْوَاشِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ وَالْمُتَمَصِّصَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغْيِرَاتِ خَلَقَ اللَّهُ تَعَالَى، مَا لِي لَا أَلْعَنُ مَنْ لَعَنَ النَّبِيَّ ﷺ وَهُوَ فِي كِتَابِ اللَّهِ، ﴿وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا...﴾

ارتين:

درقد ابن مسعود رضي الله عنه كاتا، رسول الله ﷺ برسيدا: الله ملعنة فرمقوان يغ ممبوات تاتو دان ممينتا دبوات تاتو، منچوكور اليس دان منجارغكن كيكي اونتوق كچنتيقن دغن مغوبه چيقتاعن الله ﷻ، كنافاكه ساي تيدق بوليه ملعنة اورغ يغ دلعنة اوليه رسول الله ﷻ سدغكن دسبوت ددالم القرءان. (اف سهاج يغ دباوا اوليه رسول الله ﷻ، مك تريماله دان اف سهاج يغ دلارغن مك جاعوهيله).

روایت البخاری

Potongan Ayat :

المغيرات خلق الله - mengubah ciptaan Allah

الواشمت - membuat tatu

المستوشمت - meminta dibuat tatu

المتمصصت - mencukur alis

المتفلجات - menjarangkan gigi

<p>Maksud mengubah ciptaan Allah SWT</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengubah suai anggota badan daripada kejadian asal ● Antaranya ialah : <ol style="list-style-type: none"> 1. الوشم / الوشر - membuat lukisan dengan mencacah pada mana-mana bahagian badan 2. النمص - mencukur / mencabut alis 3. التفلج - perbuatan menjarangkan / mengasah gigi
<p>Kaedah istinbat hukum</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Lafaz لعن الله (Allah melaknat mereka yang melakukan perbuatan tersebut) ● Semua perkara yang dilaknat oleh Allah adalah haram ● Haram membuat tatu dan meminta dibuat tatu, mencukur alis dan menjarangkan gigi untuk kecantikan.

Perbuatan yang mengubah ciptaan Allah yang diharamkan

1. **Mengubah anggota badan**
 - membuat tatu – melakukan tanda / cacahan pada mana-mana bahagian tubuh badan yang bersifat kekal.
 - menjarangkan gigi – kerana bertujuan untuk kelihatan cantik serta mempunyai unsur penipuan
 - mencukur alis – mencabut , mencukur atau menghilangkan alis dengan apa cara sekalipun.
2. **Menyambung / mencantumkan rambut**
 - kerana ia mengandungi unsur penipuan dan mengubah ciptaan Allah
 - contoh :menanam rambut di kepala / memakai rambut palsu
3. **Mewarnakan rambut**
 - mewarna rambut asal kepada warna lain

Menjadi Haram	Menjadi Halal
<ul style="list-style-type: none"> ● Menggunakan bahan yang tidak halal / najis ● Meniru orang kafir ● Mewarna uban dengan warna hitam 	<ul style="list-style-type: none"> ● Menggunakan inai / katam (كتم) ● Mengelirukan musuh ketika berperang

4. **Melakukan pengubahsuaian jantina lelaki kepada perempuan dan sebaliknya**
 - meniru dari segi pakaian, gaya bercakap, cara berjalan seperti melenggok-lenggok

Pengubahan yang dibenarkan

1. **Melakukan pemindahan organ**
 - Harus – tujuan rekonstruktif (perubatan)
 - contoh : mengambil daging di peha untuk ditampal pada bibir yang sumbing

Kepentingan meninggalkan larangan dalam hadith	<ul style="list-style-type: none"> ● Individu muslim yang sentiasa bersyukur dan menghargai ciptaan Allah SWT ● Sentiasa yakin dan redha dengan kejadian diri ● Menghindarkan perasaan takbur dan sombong ● Menjauhi unsur2 penipuan dan kepalsuan ● Boleh menjejaskan kesihatan
Usaha menghindari diri daripada mengubah ciptaan Allah	<ul style="list-style-type: none"> ● Berusaha mendalami dan mempelajari hukum-hakam tentang Islam ● Sentiasa bersyukur dengan kejadian diri yang sempurna ● Memilih rakan sebaya yang baik dan berakhlak mulia.

- *Alis – kening*
- *Inai dan katam merupakan jenis tumbuhan yang mengeluarkan pewarna hitam kemerah-merahan.*